

# **Pengetahuan Tingkahlaku Seksual dalam kalangan Pelajar Pra-Universiti di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa, Terengganu**

***Knowledge of Sexual Behaviour among Pre-University Students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa, Terengganu***

Nur Hazilla Mustafa

<sup>1</sup>Nur Saadah Mohamad Aun

Program Kerja Sosial

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>Correspondence: n\_saadah@ukm.edu.my

## **ABSTRAK**

*Perbincangan mengenai seks dilihat menjadi satu tabu dalam masyarakat Malaysia. Namun, peningkatan kes yang membabitkan sumbang mahram dan mengandung luar nikah menyebabkan kajian-kajian mengenai pengetahuan seks dilihat perlu diperbanyak lagi. Oleh itu, kertas kerja ini adalah bagi membentangkan kajian berkenaan pengetahuan tingkah laku seks dalam kalangan pelajar Pra-Universiti. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti pengetahuan tentang tingkah laku seksual dalam kalangan pelajar Pra-Universiti Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan temubual mendalam. Pensampelan yang digunakan kajian ini ialah pensampelan bertujuan dengan memilih lapan orang responden yang terdiri daripada empat orang pelajar lelaki dan empat orang pelajar perempuan. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan kebanyakan responden mengenai seksualiti adalah rendah, sama ada responden lelaki maupun perempuan. Responden juga tidak diberi pengetahuan asas mengenai seks daripada ibu bapa atau keluarga tetapi mereka memperolehi pengetahuan tersebut daripada rakan-rakan dan media sosial dan terdapat juga responden yang tidak tahu kesan daripada terjebak dengan amalan seks di usia muda. Hasil kajian ini dilihat dapat membantu pihak sekolah untuk mengenal pasti keperluan dan permasalahan pelajar dalam menangani isu-isu berkaitan dengan tingkah laku seksual.*

**Kata kunci:** Pengetahuan, tingkah laku, seks, pelajar pra-Universiti Terengganu, kualitatif

## **ABSTRACT**

*Discussion of sex is seen as a taboo in Malaysian society. However, the increasing number of cases involving incest and pregnancy out of wedlock resulted in studies about sex knowledge seen should be populated. Therefore, this paper is to present research concerning sexual behavior knowledge among pre-university students. The objective of this study was to identify knowledge about sexual behavior among pre-university students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa. The design of this study using qualitative approach and in-depth interviews. Sampling used in this study was purposive sampling by choosing eight respondents consisting of four male students and four female students. The study found that*

*the level of knowledge of most of the respondents about sexuality was low, either male or female respondents. Respondents were not given basic knowledge about sex from their parents or families but they acquire knowledge from friends and social media and there was also an respondent who did not know the effect of involved in sex at the young age. The study seen to help the school to identify the needs and problems of students in addressing issues related to sexual behavior.*

**Keywords:** knowledge, behavior, sex, pre-university student Terengganu, qualitative.

## 1. Pengenalan

Menurut Teori Perkembangan Psikoseksual Freud, mengatakan bahawa personaliti terbentuk sepanjang manusia melalui satu siri perkembangn daripada bayi sehingga dewasa. Segala peristiwa yang berlaku semasa proses peningkatan itu adalah peralihan dari segi pengeluaran tenaga id atau libido khususnya tenaga seksual dari satu bahagian badan ke bahagian badan yang lain. Perkembangan inilah yang membawa kepada kewujudan peringkat-peringkat perkembangan psikoseksual iaitu oral, anal, falik, latensi dan genital. Perkembangan identiti remaja berkembang pesat dalam lingkungan usia 12 hingga 20 tahun. Pada usia ini remaja sering mengalami konflik dengan diri sendiri seperti kecelaruan identiti dan mudah terpengaruh dengan aktiviti yang boleh memberi kesan negatif pada diri sendiri. Pada tempoh ini juga remaja dikatakan bereksperimentasi dengan identiti dan perkembangan seksual mereka. Justeru, tanpa panduan yang jelas amat mudah untuk remaja terjerumus kepada pelbagai tingkah laku seks yang tidak sihat seperti gejala seks bebas, seks sebelum berkahwin, seks songsang dan sebagainya. Sekiranya tidak dipantau oleh orang dewasa kebarangkalian tingkah laku seks yang tidak sihat ini menjadi suatu amalan dan terus diamalkan walaupun mereka telah melangkah ke alam pengajian tinggi mahupun pekerjaan. Kebanyakan isu berkaitan seks sudah mula dekat dengan remaja bermula dari zaman kanak-kanak seterusnya zaman remaja.

Zaman remaja merupakan zaman yang penuh dengan pelbagai risiko dari pelbagai sudut terutamanya sosial. Pada tahap ini, remaja mempunyai naluri ingin mencuba sesuatu yang baru dan memberontak sekiranya keinginan mereka tidak dipenuhi. Ketika ini banyak remaja yang terjerumus dalam pelbagai perkara yang boleh merosakkan masa depan seperti dadah, merompak, seks luar nikah dan lain-lain. Kekurangan pengetahuan dan pemahaman mengenai tingkah laku seksual mungkin akan memerangkap seseorang remaja itu sendiri. Ada segelintir remaja yang tidak tahu tindakan yang dianggap kebiasaan dilakukan terhadap individu lain adalah suatu bentuk tingkah laku seksual yang menyebabkan ketidakseseaan kepada individu berkenaan. Perbuatan berkenaan kemudiaannya memerangkap diri si pelaku dan mungkin boleh meletakkan diri pelaku sebagai pesalah yang boleh didakwa kerana adanya undang-undang khusus yang telah digariskan untuk remaja yang melakukan salah laku seksual. Remaja adalah dikategorikan di bawah umur kanak-kanak yang mana mengikut Akta Kanak-kanak 2001 yang mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang berada di bawah umur 18 tahun. Owens et al. (2012) melalui kajian mereka mendapati bahawa salah laku seksual dan tingkah laku seksual dalam kalangan pelajar terutamanya remaja sekolah berada dalam keadaan yang sangat membimbangkan kerana, selain daripada kehamilan awal, pornografi juga merupakan salah satu punca penyebab kepada masalah ini dan juga turut menyebabkan masalah lain seperti pembuangan bayi dan juga masalah seperti penularan penyakit epidermik yang ditakuti dunia iaitu penyakit AIDS akibat kuman HIV yang turut disebarluaskan melalui hubungan kelamin dan juga aktiviti seksual. Secara umumnya, objektif

kajian ini adalah mengenal pasti pengetahuan tentang tingkah laku seksual yang diterima oleh pelajar Pra-Universiti Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1 *Gejala Seks*

Gejala seks pada masa kini amat membimbangkan terutama anak-anak muda dan golongan remaja bawah umur. Gejala seks bebas ini sudah menjadi semakin biasa dan kes pembuangan bayi juga semakin meningkat. Seks bebas ini semakin meningkat kerana tidak ada pantauan daripada ibu bapa dan pihak berkuasa. Peranan ibu bapa sangat penting kerana anak-anak tidak akan terlalu bebas untuk melakukan apa sahaja. Terdapat banyak kajian yang menyatakan gejala seks ini memberikan kesan yang sangat buruk terutama kepada kesihatan. Terdapat juga kajian dari dalam dan luar negara yang mengkaji kesan buruk mengenai aktiviti seks. Gejala seks pada masa kini amat membimbangkan kerana terlalu banyak kes yang melibatkan seks bebas dikalangan remaja. Gejala seks bebas ini biasanya dilakukan oleh golongan remaja yang masih dibangku sekolah. Menurut Faizal (2014), pemahaman yang tinggi dan pendidikan seksual perlu diberikan dan seharusnya didedahkan kepada remaja khususnya yang masih lagi berada di bangku persekolahan. Kajian oleh Faizal ini menunjukkan bahawa, secara asasnya, pemahaman utama atau asas mengenai tingkah laku seksual masih lagi agak cetek dalam kalangan remaja kita pada hari ini. Gejala seks pada masa kini amat membimbangkan kerana terlalu banyak kes yang melibatkan seks bebas dikalangan remaja.

Gejala seks bebas ini biasanya dilakukan oleh golongan remaja yang masih dibangku sekolah. Menurut Faizal (2014), pemahaman yang tinggi dan pendidikan seksual perlu diberikan dan seharusnya didedahkan kepada remaja khususnya yang masih lagi berada di bangku persekolahan. Kajian oleh Faizal ini menunjukkan bahawa, secara asasnya, pemahaman utama atau asas mengenai tingkah laku seksual masih lagi agak cetek dalam kalangan remaja kita pada hari ini. Menurut Perunding Obstetrik dan Ginekologi, Dr Rasliza Ramli, walaupun dibanjiri pelbagai maklumat, masih ada remaja yang cetek pengetahuan mengenai seks, termasuk kemungkinan mengandung selepas mengadakan hubungan seks, walaupun baru mencecah awal belasan tahun. Katanya, hubungan seks yang dilakukan selepas umur akil baligh (haid) iaitu antara 10 hingga 12 tahun boleh menyebabkan seseorang remaja itu hamil, namun, biasanya pada dua hingga tiga tahun pertama selepas akil baligh, seseorang remaja perempuan masih belum subur kerana penghasilan hormon dalam badan belum mencapai tahap optimum bagi penghasilan telur. "Di sinilah pentingnya pendidikan seks di sekolah supaya remaja lebih faham mengenai biologi diri mereka dan implikasi hubungan seks yang secara tidak langsung boleh mengelakkkan mereka terjebak dengan gejala hubungan seks di luar perkahwinan. Malangnya, masih ada rernaja berumur 18 atau 19 tahun tidak tahu mereka boleh mengandung selepas melakukan hubungan seks. Malah, mereka juga tidak risau jika tidak datang haid selepas 'bersama' dengan pasangan. Hubungan seks haram ini menjadi punca pelbagai masalah berkaitan seperti kehamilan tidak dikehendaki, pengguguran, pembuangan dan pembunuhan bayi. Malah, hubungan seks yang bermula pada usia muda meningkatkan risiko remaja terdedah kepada jangkitan penyakit kelamin seperti HIV, AIDS, Sifilis, Gonorea atau Herpes yang sesetengahnya tidak menunjukkan sebarang gejala hinggalah ia menyebabkan jangkitan pelvik kronik. Antara jangkitan paling kerap berlaku ialah Chlamydia Trachomatis yang hidup dalam sel manusia. Sebaik masuk ke badan manusia melalui hubungan seks, bakteria ini menjangkiti organ rahim dan kawasan persekitarannya.

Secara kesimpulannya, isu seks ini bukan sahaja terjadi di Malaysia malah ianya berlaku di seluruh dunia. Namun apa yang membezakannya ialah bagaimana untuk menangani gejala ini daripada terus meningkat dari semasa ke semasa. Menerusi tindakan yang dibuat mampu untuk mengawal atau mencegah gejala seks ini lebih teruk dan pengetahuan mengenai seks amat penting kepada remaja supaya mereka tidak terlibat dengan gejala ini.

### **2.2 Pengetahuan Pelajar mengenai Seks**

Seks merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan setiap manusia. Tanpa seks, ketamadunan manusia tidak akan berkembang dan kelangsungan generasi kini tidak akan wujud. Menurut Alphonsus (2003), seks dilihat sebagai suatu kuasa dalaman yang utama dalam mengarah dan mempengaruhi tingkah laku manusia. Ini bermakna seks juga meliputi golongan pelajar atau remaja. Remaja merupakan salah satu tahap dari perkembangan manusia. Masa ini merupakan masa perubahan atau peralihan dari masa kanak-kanak yang meliputi perubahan biologi, perubahan psikologi dan perubahan sosial. Disebahagian besar masyarakat, masa remaja bermula pada usia 10 hingga 13 tahun dan berakhir pada usia 18 hingga 22 tahun (Notoamodjo, 2007). Pengetahuan seks amat penting kepada semua masyarakat tanpa mengira lapisan umur. Hal ini kerana, apabila semua mempunyai pengetahuan terhadap seks sedikit sebanyak membantu untuk mengurangkan gejala sosial. Pengetahuan seks amat penting kerana apabila tidak ada langsung pengetahuan mengenai seks seseorang itu akan mudah terjerumus dengan gejala itu.

Pada masa kini, gambaran keruntuhan moral dalam kalangan ahli masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah mahupun remaja digambarkan menerusi salah laku seks, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi, kesalahan juvana, penagihan dadah dan sebagainya semakin meningkat. Kadar penglibatan pelajar dalam masalah sosial juga boleh dilihat pada Laporan Kajian Tingkah laku Remaja Johor yang telah dijalankan oleh Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Saster dan Sains Sosial, Universiti Malaya (2000). Dalam kajian tersebut, salah laku seksual merupakan masalah yang kedua tertinggi selepas masalah lepak iaitu sebanyak 39.8%. Penglibatan pelajar atau remaja dalam salah laku seks ini menimbulkan keresahan dan kebimbangan yang tinggi dalam masyarakat, ini kerana salah satu penyebabnya adalah kerana para pelajar ini tidak mempunyai pengetahuan mengenai isu seksualiti ini. Para pelajar pada masa kini masih ada yang tidak tahu kesan kepada mereka jika terjebak dengan aktiviti seks bebas ini. (Mariam dan Hamidah, 2005) dan apa yang lebih membimbangkan peratusan pelajar Melayu yang melakukan hubungan seks juga semakin meningkat sejak sedekad lalu serta kebanyakkan remaja yang terlibat dengan gejala seks ini ialah golongan Melayu.

### **2.3 Remaja**

Menurut Rogers, (1951) 'Adolescence' bermaksud membesar menjadi matang. Remaja dikatakan berusia di antara 11 hingga 21 tahun, merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang (Azizi et. al., 2005). Zaman remaja dikatakan bermula dari akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif dimana ia mula minat hubungan dengan rakan sebaya dan mulai belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga masyarakat. Zaman remaja dikatakan satu proses untuk mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan bagi penglibatan yang berkesan

dalam masyarakat. Remaja merupakan golongan yang akan mewarisi dan memimpin negara kita pada masa akan datang. Golongan ini turut merupakan harapan dan aset negara untuk mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran negara ini pada masa akan datang. Perkembangan ketika tahap remaja bukanlah satu proses yang mudah kerana ketika tahap ini remaja akan terlibat dengan pelbagai jenis tekanan dan perubahan dari segi fizikal, kognitif dan persekitaran (Steinberg, 2005; Santrock, 1998; Morris, 1996). Suka bergaulan dengan rakan sebaya daripada ibu bapa. Ketika pada usia remaja, mereka akan mula menyesuaikan diri mereka dengan individu yang baru dikenali selain daripada ahli anggota keluarga mereka sendiri. Pada tahap ini perkembangan seksual remaja semakin meningkat dan perasaan ingin tahu mereka terhadap seks amat tinggi. Oleh itu, pada tahap perkembangan ini ibu bapa harus mengawal anak-anak supaya tidak terjebak dengan gejala seks.

### **3. Metodologi Kajian**

#### ***3.1 Rekabentuk Kajian***

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif, hal ini kerana kaedah kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang sangat berbeza dengan kaedah kuantitatif. Kajian kualitatif juga merupakan suatu proses yang sangat teratur dan sistematik yang mana melibatkan proses-proses seperti penyelidikan, mengumpul data dan melaporkan maklumat. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual secara mendalam, dimana temu bual secara mendalam ini merupakan proses penemu bual bertemu dengan responden kajian untuk memperolehi data yang diinginkan oleh pengkaji. Penggunaan teknik temu bual mendalam ini juga adalah kerana penggunaan sampel yang lebih kecil dan pengkaji boleh memberikan penjelasan yang jelas dan terperinci di sebalik maklum balas yang responden berikan (Kamarul, 2012).

#### ***3.2 Kawasan Kajian***

Lokasi yang telah dipilih oleh pengkaji untuk melakukan kajian ini ialah di sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa dan lebih spesifik kepada pelajar Pra-universiti. Sekolah ini telah dipilih kerana terletak di luar bandar dan memerlukan perhatian dari segi pendidikan seksual.

Pengetahuan seksualiti harus diberikan penekanan kepada pelajar Pra-Universiti kerana mereka telah menginjak ke zaman remaja dan akan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya untuk terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat seperti aktiviti seks bebas. Oleh itu, pengkaji melakukan kajian di sekolah ini kerana untuk melihat tahap pengetahuan seks pelajar Pra-Universiti sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa terutama pelajar yang berkelakuan baik dan tidak pernah mempunyai rekod disiplin.

#### ***3.3 Tatacara Pengumpulan Data***

Cara pengumpulan pertama yang digunakan oleh pengkaji ialah melalui kajian perpustakaan iaitu pengkaji ke perpustakaan untuk mencari maklumat mengenai pengetahuan remaja mengenai seks atau seksualiti. Pengetahuan dan pendedahan oleh pengkaji terhadap sesuatu tajuk kajian yang dilakukan sangat penting terutama bagi membolehkan pengkaji mengesan kekurangan yang terdapat pada kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Kajian ke perpustakaan memberikan banyak maklumat kepada pengkaji dalam mencari maklumat yang diperlukan terutamanya bacaan tambahan yang sangat membantu pengkaji untuk lebih memahami kajian yang ingin dilakukan. Kajian ke perpustakaan juga memberi peluang kepada pengkaji untuk membaca segala maklumat tambahan secara berterusan supaya lebih

memahami apa yang ingin dikaji. Kajian ke perpustakaan memberikan banyak maklumat kepada pengkaji dalam mencari maklumat yang diperlukan terutamanya bacaan tambahan yang sangat membantu pengkaji untuk lebih memahami kajian yang ingin dilakukan. Kajian ke perpustakaan juga memberi peluang kepada pengkaji untuk membaca segala maklumat tambahan secara berterusan supaya lebih memahami apa yang ingin dikaji.

Sebelum berlangsungnya sesi temu bual, pengkaji perlu memastikan bahawa responden bersetuju untuk terlibat di dalam temu bual yang dijalankan. Kerjasama daripada responden diperlukan bagi mendapatkan data dan hasil kajian. Oleh itu, pengkaji perlulah mendapatkan persetujuan daripada responden yang terdiri daripada pelajar Pra-Universiti terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dimulakan agar maklumat yang diberikan oleh mereka adalah daripada pengetahuan mereka sendiri dan bukannya dibuat-buat kerana terpaksa terlibat dalam temu bual tersebut. Sekiranya, responden telah setuju untuk terlibat, masa dan tarikh temu bual ditetapkan oleh responden kerana mengikut kesesuaian waktu lapang yang mereka ada.

Seterusnya sebelum kajian dan sesi temu bual bermula, pengkaji telah membina satu set soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian. Selain itu, pengkaji memfokus kepada protokol temu bual iaitu bagaimana soalan-soalan disusun agar dapat mencapai objektif kajian. Rujukan kepada penyelia kajian juga penting sebelum menjalankan kajian, bagi memastikan soalan-soalan temu bual benar-benar jelas dan relevan dengan objektif kajian.

Setelah itu, pengkaji perlu memberitahu responden maklumat mengenai pengetahuan pelajar mengenai seks sebagai pembuka sesi temu bual bagi memastikan responden memahami topik yang ditanyakan kepada beliau sepanjang sesi temu bual dijalankan. Bagi mengelakkan sebarang keciciran berlaku, pengkaji juga telah menggunakan perakam suara. Namun begitu, pengkaji haruslah memberitahu kepada responden mengenai perakam suara tersebut agar responden tahu dan selesa untuk menjawab segala soalan yang diajukan. Etika- etika penyelidikan yang lain juga diamalkan oleh pengkaji sepanjang kajian berlangsung. Selain menjadi panduan untuk pengkaji bersikap professional, etika kajian juga memberi gambaran kepada responden bahawa kajian yang pengkaji jalankan adalah penting dan pengkaji serius untuk mendapatkan maklumat melalui kajian yang dibuat.

### **3.4 Analysis Data**

Analisis data merupakan satu proses penghuraian data secara lebih terperinci dan mendalam bagi mendapatkan hasil yang dingini bagi sesebuah kajian. Proses-proses penganalisaan data dipatuhi seperti penyusunan, pengkategorian data, pencarian tema serta pemahaman makna yang disampaikan oleh responden semasa sesi temu bual dijalankan.

Analisis tematik termasuk kedalam kajian kualitatif yang dimana secara umum kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena atau gejala sosial dengan lebih menitikberatkan pada gambaran yang lengkap tentang fenomena yang dikaji lebih terperinci menjadi pembolehubah yang saling terkait. Ianya adalah untuk memperolehi pemahaman yang mendalam tentang kajian yang dilakukan dan untuk menghasilkan kajian yang menarik. Pada dasarnya penelitian tematik menitik beratkan pada suatu tema tertentu yang bertujuan untuk mengetahui secara lebih terperinci dan membuktikan suatu hal yang berkaitan dengan tema tertentu. Dengan demikian tujuan penelitian tematik iaitu untuk menghasilkan suatu penemuan yang berdasarkan pada tema. Analisis tematik ini digunakan kerana ianya memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian. Selain itu, analisis tematik memberikan banyak maklumat yang berkait dengan tema-tema tertentu dan penelitian yang dilakukan memberikan sasaran yang tepat serta tidak berbelit-belit dalam menyimpulkan hasil kajian.

Analisis tematik dipilih oleh pengkaji kerana ianya memberikan gambaran umum dalam menentukan judul kajian.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Data Profil Responden

Dalam kajian ini pengkaji telah melaksanakan kajian terhadap lapan orang responden. Data profil berkenaan responden ini diperoleh berdasarkan temubual yang telah dijalankan. Beberapa etika dipatuhi sepanjang menjalankan temubual dan butiran maklumat temubual serta rakaman tidak didedahkan melainkan hanya untuk tujuan kajian.

JADUAL 1. Profil Responden

Responden	Jantina
1	Perempuan
2	Perempuan
3	Perempuan
4	Perempuan
5	Lelaki
6	Lelaki
7	Lelaki
8	Lelaki

Berdasarkan Jadual 1, jumlah responden yang ditemubual adalah sama iaitu empat orang lelaki dan empat orang perempuan. Selain itu, umur bagi responden yang telah ditemubual ialah semua berumur 19 tahun. Berdasarkan lingkungan umur responden ianya sangat sesuai untuk kajian ini kerana semua responden masih awal remaja dan mudah untuk memberikan kerjasama mengenai tajuk yang akan ditemubual.

##### 4.2 Pengetahuan Pelajar tentang Seksualiti

###### 4.2.1 Maksud Hubungan Seks

Berdasarkan temubual yang telah dilakukan bersama kesemua responden, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan responden mengenai maksud hubungan seks adalah berbeza-beza. Kesemua responden tahu mengenai maksud hubungan seks meskipun mereka tidak begitu arif mengenai makna di sebalik istilah berkennaan.

*“Maksudnya lebih kepada hubungan yang bukan halal antara lelaki dan perempuan”*

(Responden 1)

*“Pandangan saya, urmm...hubungan seks ni, hubungan antara lelaki dan perempuan lah, erm...”*

(Responden 2)

*“Ermm, seksualiti ni hubungan antara lelaki dan perempuan yang melakukan hubungan seks.”*

(Responden 3)

*“Urm, hubungan lelaki dan perempuan”*

(Responden 4)

*“Urm, macam lelaki dan perempuan bersentuhan macam tu”*

(Responden 5)

*“Seksual ni hubungan sulit antara perempuan dan lelaki atau perempuan dengan perempuan dan lelaki dengan lelaki.”*

(Responden 6)

*“Seksual ni macam ermm, hubungan intim antara lelaki dan perempuan.”*

(Responden 7)

*“Seksual ni hubungan intim antara lelaki dan perempuan”*

(Responden 8)

Mengikut temubual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati semua responden dapat memberikan maksud hubungan seks tetapi tidak dapat memberikan maksud berkenaan dengan lebih mendalam dan secara lebih jelas kerana responden tidak pernah belajar dengan lebih mendalam mengenai apa itu seksualiti. Responden juga mengakui bahawa istilah seksual bukanlah suatu isu atau istilah yang baru di dengari tetapi merupakan suatu istilah yang biasa mereka dengari dan mereka sedia maklum berkenaan seksualiti ini tetapi tidak mengambil tahu dengan lebih terperinci sahaja.

Hal ini disokong oleh teori perkembangan psikososial yang diperkenalkan oleh Erik Erikson. Hal ini kerana, manusia lebih berkembang dalam tahap psikososial daripada psikoseksual. Teori psikososial digunakan kerana ianya sangat sesuai dengan persekitaran klien kerana kebanyakkan klien tidak mengetahui dengan lebih meluas mengenai isu-isu berkaitan seksual dan teori ini digunakan untuk mengukur tahap psikososial responden terhadap isu berkaitan seks.

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan responden berkenaan isu atau istilah asas berkenaan seksualiti bukanlah suatu perkara asing buat mereka. Namun begitu, masih terdapat responden yang mengakui bahawa pengetahuan berkenaan maksud seksualiti ini bukanlah menjadi suatu topik tumpuan buat mereka. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka pernah mendengar berkenaan perkataan seksualiti ini tetapi tidak mempunyai maklumat lanjut berkenaan apa itu seksualiti dengan lebih jelas. Perkara ini terjadi apabila responden sendiri mungkin tidak mempunyai sikap peka dan kesedaran dari dalam diri mereka berkenaan isu ini.

#### **4.2.2 Kurang Pengetahuan yang Lengkap mengenai Jenis Hubungan Seks**

##### **i. Jenis-Jenis Seks**

Mengikut maklumat yang dianalisis daripada transkrip verbatim responden, terdapat beberapa orang responden iaitu responden 3, 4 dan 7 sememangnya tidak mengetahui tentang mengenai jenis seks secara fizikal. Jenis-jenis seks terbahagi kepada 3 jenis, iaitu secara fizikal, secara verbal dan secara visual. Kebanyakan responden tidak tahu mengetahui maksud jenis-jenis hubungan seks secara verbal kecuali responden 6 yang hanya tahu sedikit sahaja maksud apa itu hubungan seks secara verbal walaupun tidak berapa jelas. Berikut merupakan responden yang tahu mengenai maksud hubungan seks fizikal:

*“Erm...ianya lebih kepada ugutan, apa yang saya fahamlah lebih kepada macam ugutan.”*

(Responden 1)

*“Fizikal, urmm...contohnya rogol kot...mencabul.”*

(Responden 2)

*“Fizikal secara sentuhan.”*

(Responden 5)

*“Ermm, ianya berlaku kerana penderaan kepada wanita.”*

(Responden 6)

*“Hubungan secara fizikal ni apabila sentuhan antara pasangan berlaku.”*

(Responden 8)

Meskipun begitu, bukan semua responden mempunyai pengetahuan yang sama maksud hubungan seks secara verbal. Hal ini kerana, berdasarkan daripada temubual yang dijalankan bersama responden 1, 2, 3, 4, 5, 7 dan 8, mereka mengakui bahawa mereka sendiri tidak tahu apa itu hubungan seks secara verbal berlaku. Hanya responden 6 yang tahu apa yang dimaksudkan dengan hubungan seks secara verbal walaupun tidak begitu jelas.

*“Ianya mungkin mula dari percakapan kemudian melakukan perkara yang lain pula.”*

(Responden 6)

Dari segi hubungan seks secara visual pula terdapat separuh daripada responden dapat memberikan maksud apa yang mereka faham dan responden 2, 3, 4 dan 7 tidak dapat menjelaskan makna hubungan seks secara visual dengan jelas kerana mereka tidak pernah tahu apa yang dimaksudkan seks secara visual.

*“Erm, hubungan itu berlaku apabila perempuan itu terpengaruh dengan kata-kata lelaki.”*

(Responden 1)

*“Apa yang mereka lihat kot.”*

(Responden 5)

*“Secara visual mungkin dari segi apa yang mereka tengok.”*

(Responden 6)

*“Apabila terdapat tayangan yang ditunjukkan kepada seseorang itu.”*

(Responden 8)

Menurut Abd.Rahim (2006), penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman remaja diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Zainal dan Sharani (2004) pula menyatakan pengaruh persekitaran di sekolah juga menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Setelah sesi temubual dijalankan oleh pengkaji, maka pengkaji mendapati bahawa semua responden tidak begitu terdedah dengan jenis-jenis seks ini kerana responden tidak dapat menjelaskan apa yang mereka faham mengenai hubungan seks secara fizikal, verbal dan visual. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa aspek pengetahuan tentang isu berkaitan dengan seks masih kurang terutama kepada remaja dan pelajar sekolah.

#### **4.2.3 Tidak Mempunyai Pengetahuan yang Baik tentang Penyakit /Akibat Hubungan Seks**

##### *i. Jenis Penyakit*

Melalui temubual yang telah dijalankan bersama lapan orang responden, majoriti daripada mereka tahu akan kesan yang akan dihidapi sekiranya melakukan hubungan seks secara bebas dan hanya responden 1 sahaja yang tidak dapat menjelaskan tentang penyakit yang akan dihidapi sekiranya melakukan hubungan seks bebas tersebut.

*“Penyakit berjangkit.”*

(Responden 2)

*“Tahu, biasanya penyakit AIDS, penyakit kelamin. Itu sahaja lah.”*

(Responden 3)

*“Urm, penyakit AIDS.”*

(Responden 4)

*“Setakat ni yang tahu HIV jelah.”*

(Responden 5)

*“Pernah tahu, seperti penyakit HIV dan penyakit kelamin.”*

(Responden 6)

*“Urm, mungkin penyakit HIV, itu saja kot yang saya tahu.”*

(Responden 7)

*“Penyakit yang boleh dihidapi ialah seperti HIV kerana seseorang itu melakukan seks bebas.”*

(Responden 8)

Oleh itu, pengkaji menyimpulkan berdasarkan temubual yang telah dijalankan bersama responden, sememangnya diakui bahawa responden mempunyai pengetahuan yang sederhana berkenaan penyakit yang akan dihidapi daripada melakukan hubungan seks bebas. Mereka tahu beberapa penyakit tapi tidak dapat menjelaskannya dengan lebih mendalam. Majoriti daripada responden berpendapat bahawa HIV merupakan penyakit yang biasa akan dihidapi sekiranya melakukan hubungan seks secara bebas.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Justeru itu, pengkaji menyimpulkan berdasarkan temubual yang telah dijalankan bersama responden, sememangnya diakui bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan yang meluas berkaitan isu seksualiti. Responden boleh memberikan pandangan mereka mengenai seksualiti tetapi tidak dapat menjelaskan dengan lebih mendalam dan terperinci kerana tahap pengetahuan mereka mengenai isu seksualiti masih lagi terbatas. Hal ini kerana, keadaan persekitaran responden yang tidak didedahkan dengan ilmu pengetahuan mengenai seks dengan lebih jelas. Responden biasanya mengetahui isu-isu berkaitan seksualiti ini daripada media sosial, televisyen dan melalui kawan-kawan sahaja. Majoriti daripada responden berpendapat bahawa remaja sekolah mudah terpengaruh untuk terlibat dengan gejala seks bebas kerana kurangnya pengetahuan mereka mengenai kesan yang akan dihidapi sekiranya terlibat dengan gejala seks bebas tersebut. Oleh hal yang demikian, pihak kementerian seharusnya mempertimbangkan usaha untuk memperluaskan lagi kempen kesedaran berkenaan pendidikan seks dalam kalangan pelajar sekolah dengan mengadakan program kesedaran seks secara berperingkat di sekolah-sekolah.

## Rujukan

- Azizi Yahya/*Definisi Remaja Dan Pembentukan Konsep Kendiri Dalam Hubungannya Dengan Keluarga (Part 2)*. 2011
- Faizal Mohammad, Mohd Zaki. (2014). *Gejala hubungan seks dalam kalangan pelajar: Satu Kajian Kes.*  
<http://www.sinarharian.com.my/nasional/pendidikan-seks-perlu-diperkenalkan-segera-1.477010>.
- [https://www.academia.edu/18265323/TAHAPAN PERKEMBANGAN PSIKOSEK SUAL - SIGMUND FREU](https://www.academia.edu/18265323/TAHAPAN_PERKEMBANGAN_PSIKOSEK_SUAL - SIGMUND FREU)
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). Masalah Seksual Dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya in ‘Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan’. P.30 – 60 ISBN: 978-983-52-1273.
- Malaysia. (2006). Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2006). (Akta 611).
- Mohd Shatar. (2016). Pakar Sosial Universiti Putra Malaysia. *Pendidikan Seks Perlu Diperkenalkan Segera*. Retrieved from
- Nor Jumawaton, Mariani, Zainal Madon dan Halimatusaadiah. Akademika 88 (2). Julai 2018: 81 – 94. *Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual*.
- Norramazonizni, Y dan Hanina, H.H. (2012). *Kajian permasalahan tingkah laku seksual dalam kalangan belia Malaysia*.
- Owens E.W, Behun R.J, Manning J.C & Reid R.C (2012). *The impact of internet pornography on adosescents: a review og the research*. *Journal of sexual Addiction & Compulsivity*.19: 99-122.